



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN *MOCK CHEQUE* PERUNTUKAN
PROGRAM SATELIT KOMUNITI RAKYAT MADANI
TAHUN 2026
(PERINGKAT IPOH, PERAK)**

24 JANUARI 2026 (SABTU)

11.00 PAGI

**PUSAT NADI KDAST, IPOH PERAK
(NADI KG DATO AHMAD SAID TAMBAHAN 2)**

Salam Malaysia Madani dan Salam Perpaduan.

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur atas kejayaan melaksanakan Majlis Penyerahan Mock Cheque Peruntukan Program Satelit Komuniti Rakyat MADANI Tahun 2026, yang **menjadi manifestasi komitmen berterusan dalam memperkasa komuniti dan memperkukuh semangat kebersamaan rakyat.**
2. Majlis ini adalah cerminan nyata kepada teras **Rukun MADANI** iaitu **Ihsan**, yang menekankan **nilai keprihatinan, tanggungjawab bersama dan keikhlasan dalam membina kesejahteraan masyarakat**, di mana Kerajaan dan rakyat bergerak seiring sebagai rakan strategik dalam memperkasa komuniti, memastikan tiada golongan yang terpinggir, serta **menjadikan semangat kebersamaan sebagai asas utama kepada pembinaan Negara Bangsa yang harmoni, inklusif dan berdaya tahan.**

PROGRAM SATELIT KOMUNITI RAKYAT MADANI

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

3. Program Satelit Komuniti MADANI ini ialah salah satu **inisiatif di bawah Program MADANI Rakyat (PMR)**, dengan penyertaan tujuh agensi kerajaan utama iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Bahagian Kawal Selia FELDA, Jabatan Komunikasi Komuniti (JKOM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dan Akademi Kenegaraan Malaysia. **Tujuan utama program ini jelas iaitu untuk rakyat, dengan fokus memperkukuh perpaduan, kesejahteraan sosial, dan pembangunan komuniti secara menyeluruh.**
4. Bagi tahun 2026, program ini akan dilaksanakan di **15 lokasi luar tapak PMR, meningkat berbanding 10 lokasi pada tahun 2025**, termasuk tiga lokasi khas bagi Program Satelit Komuniti Khas iaitu Kenduri Rakyat MADANI yang dianjurkan oleh setiap agensi. Pendekatan ini diharap dapat **memperluas capaian program serta memastikan impak positif dirasakan secara lebih meluas di peringkat akar umbi.**

5. Kementerian yakin program ini tepat pada masanya kerana selari dengan program **teras Komuniti MADANI**, salah satu **kluster utama Kementerian Perpaduan Negara bagi tahun 2026**, yang bertujuan memperkukuh semangat kejiranan dan kebersamaan dalam masyarakat.
6. Majlis penyerahan *mock cheque* pada hari ini adalah sumbangan khas daripada YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, kepada komuniti, **sebagai simbol keprihatinan dan komitmen kepimpinan negara untuk memastikan manfaat pembangunan dan inisiatif Kerajaan terus sampai kepada rakyat di peringkat akar umbi.**
7. Untuk makluman semua, peruntukan program ini berjumlah **RM600,000.00** yang akan **memberi manfaat kepada 120 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negara** untuk melaksanakan program dan aktiviti yang telah ditetapkan di peringkat KRT masing-masing. Bagi **Bandar Ipoh**, **sebanyak 10 KRT akan menerima peruntukan ini, iaitu RM5,000 bagi setiap KRT.**

PERANAN KOMUNITI DAN AGENSI PELAKSANA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Kerajaan sentiasa meletakkan **perpaduan dan keharmonian rakyat sebagai perkara utama** kerana ia menjadi **asas kepada pembinaan Negara Bangsa**. Negara kita lahir daripada penerimaan kepelbagaian kepelbagaian latar belakang, budaya, seni, adat, bahasa, dan tradisi yang menjadi tunjang kepada perpaduan negara. Kita harus sedar, menerima, dan meraikan perkara ini dalam kehidupan seharian.
9. Komuniti seperti Kawasan Rukun Tetangga (KRT) adalah kelompok paling penting kerana mereka paling dekat dengan rakyat. Justeru, **KRT adalah barisan hadapan perpaduan negara – hero di peringkat akar umbi**. Apa yang patut dilakukan oleh KRT? Anda harus terus **memupuk semangat kejiranan, merapatkan jurang sosial, menggalakkan interaksi positif antara kaum, serta membina aktiviti yang memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat**.
10. KRT dan kepimpinan akar umbi adalah nadi perpaduan di peringkat setempat. Dengan sokongan Kerajaan dan kerjasama semua pihak, **komuniti mampu menjadi agen perubahan**

yang membina masyarakat yang harmoni, inklusif, dan sejahtera.

11. Saya memberi jaminan bahawa Kerajaan MADANI, khususnya **Kementerian Perpaduan Negara, akan sentiasa mengutamakan pemerkasaan KRT.** Kerajaan bersama anda jadi sekarang adalah masa bagi anda semua untuk membantu Kerajaan dalam meningkatkan semangat perpaduan dari akar umbi hingga ke seluruh negara.
12. Saya juga ingin kongsi pencapaian inisiatif pemerkasaan Rukun Tetangga Progresif yang digerakkan oleh Kementerian sejak tahun 2024 dalam usaha meningkatkan pendapatan komuniti serta menjadikan aktiviti ekonomi komuniti sebagai platform interaksi dan integrasi pelbagai kaum dan bangsa.
13. Sebanyak **301 KRT berjaya dijadikan sebagai KRT Progresif berbanding 152 pada tahun 2024** melalui peruntukkan sebanyak RM16 juta pada tahun 2025. **Termasuk sebanyak 529 produk ekonomi KRT berjaya dipasarkan yang merangkumi produk pertanian, makanan, bukan makanan, pelancongan dan kraftangan.**
14. Untuk tahun ini, **Kementerian akan berusaha untuk melipatgandakan usaha pemerkasaan KRT Progresif ini.**

Kementerian juga akan teliti kaeah dan pendekatan baharu dalam mendapatkan dana melalui kerjasama strategik bersama syarikat korporat dan GLC.

PENUTUP

15. Akhir kata, tahniah kepada KRT yang menerima peruntukan hari ini hasil sumbangan daripada YAB Perdana Menteri. Amanah ini adalah tanggungjawab untuk menggerakkan perpaduan di kawasan masing-masing. Kerajaan akan terus bersama rakyat, bergerak seiring demi sebuah negara yang aman, makmur dan bersatu.

Sekian, terima kasih.